

**HEBAHAN: CADANGAN MENGADAKAN PROGRAM PINDAH
KREDIT BAGI GRADUAN PERUBATAN DARI INSTITUSI TIDAK
DIKTIRAF KE INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM TEMPATAN**

Sila ambil maklum:

- a. Sila baca dengan teliti setiap panduan sebelum melengkapkan borang permohonan.
- b. Sila patuhi sepenuhnya SETIAP peraturan yang digariskan.
- c. Kegagalan melengkapkan dokumen dengan sempurna akan menyebabkan permohonan anda lewat diproses atau ditolak.
- d. Pejabat ini tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan yang berpunca dari kesilapan anda sendiri.
- e. Majlis berhak menolak permohonan yang tidak memenuhi syarat atau mengandungi maklumat palsu.

1. Sebagaimana termaktub di dalam **Akta Perubatan 1971**, sesiapa yang ingin mengamal profesyen perubatan di Malaysia perlu berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM);
2. Bagi melayakkan pendaftaran, mereka perlu memiliki ijazah asas perubatan yang diiktiraf seperti yang tersenarai di dalam Jadual Kedua Akta Perubatan 1971 atau lulus peperiksaan kelayakan perubatan yang ditetapkan di bawah Akta tersebut;
3. Bagi membantu graduan perubatan dari institusi yang tidak diiktiraf diterima mendaftar dan membolehkan mereka mengamal profesyen perubatan secara sah dari segi undang-undang dan telah kehabisan peluang menduduki Peperiksaan Kelayakan Perubatan, pelbagai pendekatan telah dilaksanakan sejak tahun 2004;
4. Diatas keprihatinan YB Menteri Kesihatan, Kabinet Jemaah Menteri dengan hasrat murni telah bersetuju pada 19 Disember 2008:
 - a. Membenarkan tempoh bagi graduan perubatan membuat pindah kredit dilanjutkan dari 31 Disember 2008 ke 31 Disember 2009;
 - b. membenarkan semua graduan perubatan dari institusi yang tidak diiktiraf yang bergraduat sebelum 31 Disember 2008 (walau sudah kehabisan peluang menduduki peperiksaan kelayakan perubatan dibawah Akta Perubatan 1971) memanfaatkan kelonggaran pindah kredit ke institusi yang diiktiraf bagi mengikuti pengajian selama 18 bulan sebelum menduduki peperiksaan tahun akhir pengajian sarjana muda perubatan di institusi berkenaan;
 - c. Keistimewaan pindah kredit ini hanya terhad kepada institusi pengajian tinggi yang diiktiraf sahaja;
 - d. Suatu kursus bimbingan terancang selama 18 bulan akan disediakan oleh pihak institusi tempatan yang menerima mereka di dalam program pindah kredit; dan
 - e. Peluang ini diberikan secara *one-off* sahaja.
5. Lanjutan dari itu, suatu kajian sedang dilakukan oleh Majlis Perubatan Malaysia bagi memastikan jumlah graduan yang berminat menyertai kursus bimbingan terancang selama 18 bulan ini. Justeru itu, graduan yang berminat untuk mengikuti keistimewaan pindah kredit dengan kursus bimbingan diatas adalah dengan ini dipelawa untuk mendaftar terlebih dahulu dengan Majlis Perubatan Malaysia.
6. Permohonan pendaftaran bagi tujuan diatas hendaklah dibuat menggunakan ***Borang Pendaftaran Mengikuti Program Pindah Kredit/Kursus Bimbingan Bagi Graduan***

Perubatan Dari Institusi Tidak Diiktiraf Ke Institusi Pengajian Tinggi Tempatan yang dilampirkan dalam **DUA salinan** dengan menyertakan dokumen-dokumen berikut:

- 6.1. Salinan ijazah asas perubatan dari institusi institusi yang tersenarai di dalam *Unrecognized Schedule (List of Unrecognized Training Teaching Institutions)* (Maklumat ini boleh diperolehi dari laman web Majlis Perubatan Malaysia)
- 6.2. Salinan pasca ijazah, jika ada;
- 6.3. Akademik Transkrip dari Tahun 1 hingga Tahun Akhir pengajian;
- 6.4. Untuk warganegara Malaysia, dokumen tambahan berikut perlu dikemukakan:
 - a. Salinan Kad Pengenalan menggunakan kertas bersaiz A4;
 - b. Salinan sijil lahir; dan
 - c. Salinan Sijil Pelajaran Malaysia.
- 6.5. Bagi bukan warganegara, dokumen tambahan berikut perlu dikemukakan:
 - a. Salinan paspot anda diatas kertas A4;
 - b. Sijil Pendaftaran Perkahwinan (jika berkenaan); dan/atau
 - c. Salinan kad pengenalan pasangan anda (jika berkenaan).
- 6.6. Bagi graduan dari institusi negara India, dokumen tambahan berikut perlu dikemukakan:
 - a. Salinan *Rotating Internship*; dan
 - b. Salinan Sijil *Bona Fide Student*
- 6.7. Bagi graduan dari institusi negara Indonesia, dokumen tambahan berikut perlu dikemukakan:
 - a. Salinan Sarjana Kedokteran; dan
 - b. Salinan Ijazah Kedokteran
7. Sila pastikan setiap salinan pendua dokumen yang dilampir disahkan sebagaimana ***Garis panduan Pengesahan Dokumen Pendua*** seperti di lampiran.
8. Jika maklumat seperti nama, nombor kad pengenalan atau paspot anda berbeza dengan mana-mana dokumen yang dikemukakan, sila sertakan Surat Akuan Sumpah;
9. Permohonan ini hanya terbuka kepada graduan yang memenuhi syarat berikut:
 - 9.1. Kewarganegaraan:
 - a. Warganegara Malaysia;
 - b. Jika anda bukan warganegara Malaysia, anda perlu mempunyai pertalian keluarga atau talian perkahwinan dengan warga Malaysia;
 - 9.2. Memiliki ijazah asas yang tersenarai di dalam senarai *Unrecognized Schedule (List of Unrecognized Training Teaching Institutions)* **PADA atau SEBELUM 31 Disember 2008.** (Maklumat lanjut boleh didapati dari <http://mmc.gov.my/v1/docs/UNSCHEDULED%20UNIVERSITIES.pdf>);
 - 9.3. Jika anda memiliki ijazah sarjana muda perubatan dari institusi yang **TIDAK** tersenarai di bawah *Unrecognized Schedule (List of Unrecognized Training Teaching Institutions)*, anda perlu mengemukakan maklumat mengenai institusi tersebut **terlebih dahulu** untuk dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian MPM sebelum layak diterima mendaftar. Penerimaan pendaftaran adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Penilaian MPM. Maklumat berikut hendaklah dihantar dalam **13 salinan**:

- a. Bukti dan maklumat terperinci bahawa universiti yang menganugerahkan ijazah adalah institut latihan perubatan yang mengkhusus dalam bidang perubatan moden.
- b. Pengesahan dari Majlis/Badan Perubatan bahawa graduan perubatan dari institusi berkenaan layak diterima mendaftar dan mengamal dari negara berkenaan.

(Untuk maklumat lanjut sila rujuk dokumen 'Information Required for the Evaluation on the Qualification Conferred by an Unrecognized Medical Training Institutions' yang dilampirkan di bawah)

10. Permohonan boleh dikemukakan secara peribadi atau melalui pos **PADA ATAU SEBELUM 31 MAC 2009**.
11. Permohonan yang dikemukakan **SELEPAS** tarikh tutup akan ditolak.
12. Anda dinasihatkan untuk menyimpan salinan semua dokumen yang dihantar untuk rujukan di masa hadapan.
13. Sila kemukakan permohonan anda ke alamat berikut:

***Yang Di Pertua,
Majlis Perubatan Malaysia,
Aras 2, Blok E1, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62518 PUTRAJAYA.***
14. Selepas borang permohonan diterima, anda akan dimaklumkan secara rasmi.
15. Kerjasama anda amat dialukan untuk memberi maklumbalas segera ke atas setiap kuiri, jika ada.
16. Sila hubungi kami sekiranya anda:
 - a. Tidak menerima pengesahan penerimaan selepas dua minggu permohonan dihantar; atau
 - b. memerlukan sebarang bantuan atau mempunyai pertanyaan.
17. Untuk sebarang kemusykilan, sila hubungi pegawai berikut:
 - a. Dr. Mohamed Yazuran Mohd Sallij – 03 8883 1401; dan
 - b. En. Perumal a/l Chinaya – 03 2694 7920.

Terima kasih.

Yang ikhlas,



TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHAMED ISMAIL MERICAN,
Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia
Merangkap Yang Di Pertua, Majlis Perubatan Malaysia.

Tarikh: **27 Februari 2009.**

**BORANG PENDAFTARAN BAGI MENGIKUTI PROGRAM PINDAH
KREDIT/KURSUS BIMBINGAN BAGI GRADUAN PERUBATAN DARI
INSTITUSI TIDAK DIKTIRAF KE INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI
AWAM TEMPATAN**

Tarikh: Mac 2009.

Kepada: Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia
Merangkap Yang Di Pertua, Majlis Perubatan Malaysia.
Aras 2, Blok E1, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62518 PUTRAJAYA.

Y. Bhg. Tan Sri,

**BORANG PERMOHONAN BAGI MENGIKUTI PROGRAM PINDAH KREDIT
BAGI GRADUAN PERUBATAN DARI INSTITUSI TIDAK DIKTIRAF KE
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM TEMPATAN**

Perkara diatas dirujuk dengan hormatnya.

2. Saya ingin mendaftar bagi mengikuti program bimbingan selama 18 bulan dibawah skim kelonggaran pindah kredit yang dicadang diadakan di institusi pengajian tinggi awam tempatan yang diiktiraf bagi tujuan mengikuti pengajian sebelum menduduki peperiksaan tahun akhir pengajian perubatan.

3. Saya mengaku bahawa butir-butir yang diberi di dalam permohonan ini adalah benar dan dokumen-dokumen yang disertakan adalah salinan dari dokumen asal yang disahkan menurut garis panduan yang ditetapkan.

Sekian. Terima kasih.

Yang benar,

.....

Tandatangan Pemohon

Nama:

**BORANG PERMOHONAN MENGIKUTI PROGRAM PINDAH KREDIT/KURSUS
BIMBINGAN BAGI GRADUAN PERUBATAN DARI INSTITUSI TIDAK
DIKTIRAF KE INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM TEMPATAN**

(Nota: Borang ini hendaklah diisi dalam DUA salinan dan satu set dokumen hendaklah dilampirkan bagi setiap borang permohonan)

1. Maklumat Diri:

- (a) Nama Penuh (*seperti di dalam*
Kad Pengenalan/Pasport) :
.....
- (b) Nama Lain (jika ada):
.....
- (c) No.Kad Pengenalan: Baru:-.....-..... Lama:
Atau No. Pasport:
- (d) Jantina: Lelaki/wanita.
- (e) Kewarganegaraan: Malaysia/Bukan (sila nyatakan: _____)
- (f) Taraf Perkahwinan: Bujang/Kahwin/Bercerai
Jika berkahwin dengan warganegara Malaysia:
(i) Nama Pasangan:
(ii) Pekerjaan Pasangan:
- (g) No. Telefon (Rumah)-..... (H/P)-.....
- (h) Alamat surat menyurat:
.....
- (i) Alamat email:



2. Maklumat Akademik:

- (b) Kelulusan:
- (c) Nama Institusi Yang Menganugerah Ijazah:
.....
- (d) Tarikh Mendapat Kelulusan:

3. Dokumen Sokongan:

Dengan ini saya sertakan dokumen berikut yang telah disahkan:

3.1. Untuk SEMUA Pemohon:

Dokumen	Tanda ✓ jika Disertakan
a. Borang Permohonan	
b. Gambar saiz paspot	
c. Kad Pengenalan atau Paspot	
d. Ijazah Asas Perubatan	
e. Pasca Ijazah (jika ada)	
f. Transkrip Akademik dari Tahun 1- Tahun Akhir	
g. Surat Akuan Sumpah (jika maklumat di dalam mana-mana dokumen berbeza dari kad pengenalan/paspot)	
h. Sijil Pendaftaran Penuh (jika ada)	

3.2. Dokumen tambahan untuk pemohon warga Malaysia:

a. Sijil Lahir	
b. Sijil Pelajaran Malaysia	

3.3. Dokumen tambahan untuk pemohon bukan warganegara Malaysia:

a. Jika pasangan warganegara Malaysia: <ul style="list-style-type: none">• Salinan sijil Pendaftaran Perkahwinan• Salinan kad pengenalan pasangan	
--	--

3.4. Dokumen tambahan untuk graduan dari institusi negara India:

a. <i>Sijil Rotating Internship</i>	
b. <i>Sijil Bona Fide Student</i>	

3.5. Dokumen tambahan untuk graduan dari institusi negara Indonesia:

a. <i>Sarjana Kedokteran</i>	
b. <i>Ijazah Kedokteran</i>	

4. Pengesahan:

Saya mengakui bahawa SEMUA maklumat di atas adalah benar dan dokumen yang disertakan adalah salinan yang telah disahkan menurut garis panduan yang ditetapkan.

Sekian. Terima kasih.

Tarikh:/...../2009.

.....

Tandatangan Pemohon

**MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN BAGI TUJUAN PENILAIAN INSTITUSI
TIDAK DIKTIRAF UNTUK DISENARAIKAN DI DALAM JADUAL
INSTITUSI TIDAK DIKTIRAF**

1. Organisasi Universiti/institusi:
 - Sejarah ringkas penubuhan.
 - Samada ditubuhkan oleh kerajaan atau swasta.
 - Sila nyatakan jika kolej tersebut bekerjasama dengan lain-lain universiti dan sejak bila serta cara perjanjian berkaitan kelayakan.
2. Kelayakan masuk:
 - Terangkan sistem pendidikan negara tersebut secara keseluruhan sebelum pelajar memasuki universiti termasuk kelayakan, tempoh pengajian pra-universiti, peperiksaan yang perlu diambil dan tahap kelayakan untuk kemasukan ke universiti.
 - Jika bekerjasama dengan lain-lain universiti, adakah kemasukan ke kolej perubatan kerajaan diuruskan oleh universiti induk?
3. Tempoh pengajian program perubatan dan pengendalian program oleh kolej atau universiti seperti semester, penggal dan lain-lain.
4. Kurikulum kursus program secara terperinci, mata pelajaran setiap tahun, jumlah jam, mata kredit atau perkara lain yang berkaitan dengan program yang dikendalikan oleh kolej perubatan yang mana bersesuaian.
5. Kakitangan akademik menurut tahun akademik pengajian, kelayakan di dalam subjek utama pada program setiap tahun. Nyatakan bilangan kakitangan akademik tetap dan bilangan kakitangan yang lain seperti sambilan, pensyarah bertauliah dan sebagainya.
6. Peratusan pelajar berbanding tenaga pengajar.
7. Kemudahan di dalam kolej seperti perpustakaan, makmal dan lain-lain sekiranya boleh terangkan lebih terperinci setiap kemudahan yang ada.
8. Bahasa perantaraan yang digunakan dalam pembelajaran dan komunikasi.
9. Sistem peperiksaan: Termasuk sistem peperiksaan yang dikendalikan oleh program perubatan bagi semua tahun pengajian. Termasuk sistem pemarkahan untuk lulus dan gagal dalam setiap tahun dan tahun akhir. Termasuk bilangan pelajar yang lulus dan gagal peperiksaan tahun akhir.

GARIS PANDUAN PENGESAHAN DOKUMEN PENDUA


Sila ambil perhatian:

- a. Maklumat ini disediakan khusus bagi membantu anda.
- b. Sila baca setiap maklumat berikut dengan teliti sebelum menghantar borang permohonan.
- c. Sila patuhi sepenuhnya **SETIAP** peraturan yang digariskan.
- d. Kegagalan melengkapkan dokumen dengan sempurna akan menyebabkan permohonan anda lewat diproses.
- e. Pejabat ini tidak boleh dipersalahkan jika berlaku kelewatan ekoran permohonan anda tidak memenuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan.

1. Setiap salinan pendua dokumen dianggap **sempurna** pengesahan dan diterima pakai oleh Majlis Perubatan Malaysia jika ia mengandungi ciri-ciri berikut:
 - 1.1. Salinan dokumen **perlu** ditandatangani oleh individu yang memegang jawatan berikut:
 - a. Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional;
 - b. Peguambela dan Peguamcara;
 - c. Pesuruhjaya Sumpah;
 - d. 'Notary public' – bagi dokumen yang disahkan di luar negara sahaja;
 - e. Pegawai Kedutaan atau Pesuruhjaya Tinggi Malaysia diluar negara Kumpulan Pengurusan dan Profesional; atau
 - f. Jaksa Pendamai.
 - 1.2. **SETIAP** salinan pendua dokumen yang disahkan **perlu** mengandungi butiran-butiran berikut:
 - a. Nama penuh pengesah;
 - b. Jawatan pengesah;
 - c. Alamat lengkap pengesah;
 - d. Butiran pengesahan seperti nama, jawatan dan alamat pengesah yang dicop;
 - e. Pengesah mestilah menurunkan **tandatangan penuh** dan bukannya tandatangan ringkas atau *initial*; dan
 - 1.3. Dokumen yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah perlu disertai cop mohor atau lakri sebagaimana Peraturan 19, Peraturan Pesuruhjaya Sumpah 1993 dibawah *Courts of Judicature Act 1964*.
2. Mana-mana pengesahan salinan pendua dokumen yang **TIDAK** mematuhi perenggan 1.1. dan 1.2. akan dianggap sebagai **TIDAK SAH** dan **DITOLAK**.
3. Begitu juga, pengesahan salinan pendua dokumen akan dianggap **TIDAK SAH** dan **DITOLAK** jika:

- a. Pengesahan dilakukan oleh individu atas dasar ‘bagi pihak’ pengesah tanpa maklumatnya sendiri;
- b. Tandatangan tidak seragam atau berbeza diantara salinan pendua dokumen-dokumen yang ditandatangani oleh individu yang sama.

4. **Contoh** pengesahan dokumen **lengkap dan diterima** adalah seperti berikut:



5. Jika nama anda di dalam ijazah dan kad pengenalan/pasport berbeza, sila kemukakan Surat Akuan Sumpah.
6. Untuk sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, sila **hubungi kami** di:

*Majlis Perubatan Malaysia,
 Aras 2, Blok E1, Parcel E,
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
 62518 PUTRAJAYA.*

Kerjasama anda amat dihargai.

Sekian. Terima kasih.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

Saya Yang Menurut Perintah,

Dr. Hj. Wan Mazlan bin Hj. Mohamed Woojdy,
 Setiausaha,
 Majlis Perubatan Malaysia.

Tarikh: **25 Ogos 2008.**